

CENTRE FOR INSTRUCTOR AND ADVANCED SKILL TRAINING (CIAS)
DEPARTMENT OF SKILLS DEVELOPMENT
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES

SkillsMalaysia Journal

Model Pentaksiran ‘Psikomotor’: Suatu Pendekatan Islam Dalam Pengajaran Pendidikan Tertiar

Mohd Nor B. Mamat¹, Ahmad Zaki B. Abd. Latif², Zulkifli B. Mohd Sidi³

^{1,2,3}Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor

Abstrak

Kertas ini bertujuan untuk mengenal pasti model pentaksiran psikomotor yang holistik. Pentaksiran ini adalah hasil daripada penyepaduan ciri-ciri kognitif, afektif dan psikomotor di dalam satu proses P&P, dan dibentuk dengan berasaskan ciri-ciri Islamik. Kaedah analisa metadata dengan ‘konsep keimanan’ dan ‘penghayatan akidah’ mendasari perbincangan dalam penyelidikan ini. ‘Keimanan’ yang berpaksikan kepada prinsip Tashdiq, Iqar dan Amal diintegrasikan dengan konsep ‘penghayatan akidah’ yang berteraskan item-item Kefahaman, Perasaan dan Amal. Pengolahan kedua-dua konsep tersebut menghasilkan sebuah kerangka pembangunan model pentaksiran psikomotor Islamik. Kertas ini telah merumuskan bahawa terdapat tujuh aras bagi model tersebut, yang dinamakan dengan kefahaman, kepercayaan, keyakinan, perasaan (adab & akhlak), pelaksanaan (tindakan), peneguhan (praktis) dan pembuktian.

Kata kunci: psikomotor, pentaksiran (assessment), konsep Islamik, holistik, iman & penghayatan akidah.

Pengenalan

Pentaksiran (*assessment*) adalah proses penambahbaikan dan peningkatan kualiti di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran (P&P). Pentaksiran merupakan alat bagi melaksanakan *terapi* yang signifikan di dalam P&P (Langgulung, H, 2001). Pendekatan pentaksiran adalah merupakan sebahagian daripada proses P&P yang digunakan oleh pengajar sebagai kaedah meninjau kemajuan pengajaran, keberkesanan program dan mengukur pencapaian pelajarinya, agar proses penambahbaikan dapat dilaksanakan untuk mencapai objektif program yang ditetapkan (Rockman, IF, 2002).

Banyak kaedah pengukuran pencapaian pelajar dilaksanakan di dalam proses P&P, salah satunya ialah kaedah *amali* atau secara teknikalnya dikenali sebagai pentaksiran gerak kerja *psikologikal* yang mengamalkan pergerakan ‘*motor*’ dan *neuromuscular* pelajar menjalankan kerja kemahiran (Jelovsek, JE *et al.*, 2013). Pergerakan fizikal ini yang diklasifikasikan oleh B. Bloom dan rakan-rakannya dengan istilah ‘*psikomotor*’, adalah salah satu daripada tiga domain pembelajaran mereka yang terdapat dalam ‘*The Taxonomy of Educational Objective*’ (Krathwohl, DR, 2002).

Penyepaduan ketiga domain tersebut iaitu *kognitif*, *afektif* dan *psikomotor* dikenal pasti sebagai rujukan untuk proses pentaksiran psikomotor ini. Menurut Langgulung, H (2001), integrasi domain tersebut amat perlu untuk mencerminkan proses pentaksiran secara menyeluruh yang merangkumi sifat lahiriah dan rohaniah pelajar. Sifat-sifat akal, akhlak dan ‘*amal*’ seseorang pelajar ditaksir dengan mendasari elemen-elemen Islam *syumul* yang amat menekankan aspek ‘*amalan*’ untuk kesempurnaan ibadahnya. Aspek ilmu ini menjadi rujukan penyelidikan sebagai satu kaedah yang jelas bagi pelaksanaan pendekatan pentaksiran *psikomotor* semasa proses P&P. Pentaksiran psikomotor Islamik berupaya menyediakan maklum balas, membuat terapi dan menambahbaik kualiti seorang pelajar dengan ciri-ciri mental, fizikal dan *spiritual* yang tinggi. Justeru, suatu pendekatan

penilaian dan pentaksiran di dalam P&P memerlukan satu pakej yang menyeluruh, tanpa pengasingan elemen *emosi, pemikiran* dan *amalan* seperti mana yang diamalkan oleh pihak-pihak *sekularisma* di barat.

Prinsip Islamik Dalam Pentaksiran Psikomotor

Menurut ibn-Khaldun (2001) dalam *Kitab al-Mukaddimah*, '*amal* diistilahkan sebagai tindakan (*action*) atau perbuatan kemahiran fizikal yang jika berterusan dilatih akan menjadi '*tabiat*' (*habit*). Kamus Dewan Bahasa & Pustaka Edisi Ke IV (2013) pula mendefinisikannya sebagai '*apa sahaja perbuatan yang dilakukan*'. Kajian ini merujuk maksud '*amal* ini dengan istilah kontemporari yang dinamakan '*psikomotor*'.

Keutamaan 'amal di dalam Islam

Hadith ke 24 yang riwayatkan oleh Muslim dalam Kitab Hadith Arba'in Imam An-Nawawi menjelaskan secara qaulnya bahawa '*amal* itu adalah sebahagian dari iman. '*Amal* adalah bukti yang nyata realisasi iman (pengetahuan). Tinggi rendah kualiti '*amal* pula menentukan tinggi rendahnya kualiti iman manusia tersebut. Menurut Jahja, HZ (2009), keyakinan melakukan '*amal* perbuatan (ibadah) tersebut adalah tertakluk kepada sejauh mana ilmu pengetahuan yang ada dalam diri mendominasi akal atau unsur *kognitifnya* (Al-'Utsaimin, SMS, 2012).

Banyak hadith Rasulullah SAW menekankan aspek '*amalan*' ilmu di dalam kehidupan dan pelengkap kepada ibadah.

Sebagai contoh, maksud sebahagian *Hadith ke 24 Imam An-Nawawi* ;

"Wahai hamba-hambaKu! Bahawa sesungguhnya hanya amalan kamu yang Aku akan perhitungannya bagi kamu, kemudian Aku sempurnakan pembalasannya. Maka barangsiapa yang mendapat kebaikan maka hendaklah dia memuji Allah dan barangsiapa yang mendapat selain kebaikan, maka janganlah dia mencela kecuali mencela dirinya sendiri"

[Riwayat Muslim]

Imam an-Nawawi dalam Al-'Utsaimin, SMS (2012) telah mengaitkan hubungan '*amal* manusia dengan perhitungan yang akan dinilai dan diberikan ganjaran oleh Allah SWT, di atas segala tindakan perbuatan manusia. Penyelidikan mendapati kaedah perhitungan mempunyai perkaitan dengan penilaian terhadap perbuatan dan amalan manusia. Penilaian tersebut dilaksanakan dengan menghitung nilai-nilai amalan yang dilaksanakan. Sehubungan itu, kajian mengambil pendapat Langgulung, H (2001) yang menyatakan istilah penilaian dan pentaksiran adalah beriringan kerana ianya membentuk proses penambahbaikan dan terapi.

Hadith di bawah pula menerangkan tentang ketinggian tingkatan amal perbuatan bergantung kepada iman (ilmu pengetahuan) pengamalannya. Hadith memperjelaskan bahawa iman dan amal saling bergantung antara satu sama lain.

Maksud hadith;

"Allah tidak menerima iman tanpa amal perbuatan dan tidak pula menerima amal perbuatan tanpa iman"

[Riwayat At-Thabrani]

Justeru, kekuatan ilmu pengetahuan (*kognitif*) seseorang manusia bergantung kepada amal (*psikomotor*) dan kemahiran bagi mendapatkan ganjaran dan imbuhan. Menurut *syara'*, kesempurnaan iman itu bergantung kepada amalan pemiliknya.

Merujuk hadith yang lain, keutamaan amal di dalam melaksanakan tindakan menggunakan ilmu yang dipelajarinya, seterusnya melaksanakan ilmu di dalam bentuk perbuatan sehingga Allah SWT mewariskannya ilmu-ilmu lain dengan berterusan.

Maksud hadith;

"Barangsiapa mengamalkan apa yang diketahuinya, nescaya Allah mewariskan kepadanya ilmu yang belum diketahuinya".

[Riwayat Abu Nai'im]

Allah SWT telah menyediakan ganjaran berbentuk ilmu kepada sesiapa yang melakukan '*amal* perbuatan (ibadah). Ganjaran dengan mengamalkan ilmu pengetahuan yang dimiliki berjaya menghasilkan pengamalannya menjadi orang yang '*alim* (berilmu) (Al-Ghazali, 1993b).

Dalil-dalil *naqliyyah* di atas adalah sebahagian daripada banyak rujukan menguatkan hujah bahawa *'amal* adalah unsur-unsur penting dalam agama yang dinilai oleh Allah SWT. Dalam *Ihya Ulum al-Din*, Al-Ghazali (1993b) banyak menekankan prinsip berkaitan dengan *'amal*. Menurut Ahmad, K (2012) pula, apabila berlaku kesepaduan antara ilmu (*iman*) dan *'amal* dipercayai menghasilkan aspek-aspek holistik di dalam pentaksiran, kerana *'amal* menentukan kebolehan menzahirkan ilmunya yang ada dalam diri manusia.

Kaedah Islamik, pendekatan holistik

Islam adalah agama yang *syumul* dan *'way of life'* (ad-Deen). Islam agama sesuai sepanjang zaman yang lengkap dan menyeluruh dalam segala aspek kemasalahatan hidup manusia (Langgulung, H, 2001; Ahmad, K, 2012). Justeru, kajian mendedahkan kaedah dan pendekatan Islamik ke atas pentaksiran *psikomotor* yang menyentuh sifat-sifat lahiriah dan rohaniah pelajar. Seterusnya menghasilkan pentaksiran yang holistik di dalam proses P&P.

i. Prinsip Keimanan

Iman dari segi bahasa ialah menerima dengan penuh *yakin* penyampaian seseorang yang tertentu kerana kepercayaan terhadapnya. Manakala istilah *syara'* pula bermaksud menerima dengan *yakin* perkhabaran Rasulullah SAW tanpa melihat dengan mata sendiri semata-mata kerana mempercayai Baginda Rasulullah SAW (Khandalawi, SMY, 2012). Maksud penyampaian atau perkhabaran ini telah dijelaskan oleh Al-Ghazali (1990) sebagai suatu *ilmu*.

Menurut Imam Malik, Imam as-Syafi'i dan kesepakatan *Jumhur Ulama*, iman itu berdiri dengan tiga perkara asas yang utama iaitu *Tashdiq*, *Iqrar* dan *'Amal*. *Tashdiq* adalah membenarkan dengan hati atau iktikad, yang menekankan tugas hati (*qalbu*) bagi iman di atas pengakuannya (*al-Tashdiq bi al-Qalb*) (Ishak, MS, 2002). Manakala *iqrar* dengan lisan mesti bersatu bersama hati (*al-Iqrar bi al-Lisan*). Dari segi bahasa bermaksud mengucap dan menuturkan perkataan dengan lidah. Manakala *'amal* pula ialah hati mengamalkan dengan *keyakinan* sedangkan anggota lahiriah mengamalkannya dalam bentuk ibadah-ibadah atau pun perbuatan (*al-'Amal bi al-Jawarih*) (Jahja, HZ, 2009).

Merujuk hadith yang bermaksud ;

“Iman itu bukan dengan cita-cita dan perhiasan, tetapi ialah apa yang tersemat di hati dan dibuktikan dengan perbuatan”

[*Riwayat al-Tarmizi*]

Hadith ini menekankan keutamaan melaksanakan *'amal* atau perbuatan sebagai ilmu yang berada di dalam diri, dan dizahirkan sebagai pembuktian.

Imam al-Ghazali telah menghuraikan makna iman dengan menambah ;

“Pengakuan dengan lidah membenarkan pengakuan itu dengan hati dan mengamalkannya dengan rukun-rukun (anggota-anggota)”

ii. Prinsip Penghayatan Akidah

Akidah adalah sebuah doktrin Islam yang penting meliputi aspek teoritikal (*nazhari*) yang diperkukuhkan dengan dalil-dalil *naqliyyah* dan *'aqliyyah* (Kasim, AY & Tamuri, AH, 2010) dan harus diyakini kebenarannya tanpa ragu-ragu. Akidah juga merupakan teras kepada *syariat* yang mengandungi aspek praktis (*amali*) dengan memuatkan aturan-aturan yang harus dipatuhi dalam kehidupan manusia (Jahja, HZ, 2009; Kasim, AY & Tamuri, AH, 2010). Dalam al-Quran, akidah disebut *'al-Iman'* iaitu kepercayaan dan *syariat* disebut *'al-amal al-shaleh'* iaitu perbuatan baik. Kedua-dua iman dan *'amal* disebut dalam al-Quran secara bersepadu, sehingga dilihat sebagai ada integrasi dalam Islam (Jahja, HZ, 2009).

Akidah berperanan sebagai tunjang untuk melahirkan insan kamil yang *berkeyakinan* dan mampu membentuk *spiritual* yang tenang serta rohani yang seimbang dengan amalan hidup serta tingkah laku (Salleh, NM *et al.*, 2013). Akidah menekankan aspek keimanan, kerohanian, keilmuan, penghayatan dan amalan. Kekuatan akidah adalah asas yang diperlukan oleh pelajar untuk membersihkan emosi, *spiritual*, fikiran (*kognitif*) dan tingkah laku (Ahmad, K, 2012; Salleh, NM *et al.*, 2013).

Menurut Al-Utsaimin, SMS (1995) pula, akidah adalah berkaitan hal-hal yang asasi di dalam kehidupan seorang Islam. Akidah akan mendasari *sikap, amalan dan segala perbuatan* yang dikerjakan. Al-Ghazali juga berpendapat kaedah pembangunan diri

manusia amat berkait rapat dengan *akal, emosi dan fizikal*, dan sentiasa menitik beratkan *spiritual* sebagai paksi utama dalam pembangunan diri manusia (Ghani, ZA & Mansor, NSA, 2006).

Justeru, penghayatan akidah amat diperlukan untuk memberi rangsangan (*stimuli*) kepada deria-deria fizikal dan *spiritual* pelajar. 'Penghayatan akidah' dimaksudkan oleh Salleh, NM *et al.* (2013) adalah merupakan 'sebuah proses untuk menjiwai dan berpegang teguh dengan isi kandungan akidah dengan penuh kefahaman, perasaan (*emosi*) dan diikuti dengan amal perbuatan yang selari dengan tuntutan iman'.

Salleh, NM *et al.* (2013) juga merujuk kepada penghayatan akidah oleh *al-Qaradawi* yang menyatakan bahawa penghayatan akidah juga berlaku apabila keimanan meresapi dalam hati dan perasaan, menguasai akal dan fikiran sehingga mencetuskan perasaan tanggung jawab dan amanah. Mereka kemudiannya pula melaksanakan dan mengamalkan dakwah kepada orang lain agar melakukan kebaikan. Salleh, NM *et al.* (2013) menambah lagi, *Prof. Dr. Hamka* ada menyebut bahawa akidah itu ialah integrasi antara *kepercayaan dan penyerahan diri, pengakuan hati dan amal perbuatan*. Penghayatan akidah merupakan gabungan antara lahiriah dan rohaniah yang sentiasa perlu dipupuk dalam diri agar impak yang mendalam tersemam (*instilled*) di hati dan diri pelajar tersebut (Ghani, ZA & Mansor, NSA, 2006).

Menurut Salleh, NM *et al.* (2013) lagi, tahap keyakinan dan kefahaman kepada iman (ilmu) membentuk manusia yang bertaqwa. Justeru, al-Ghazali juga telah mengkategorikan penghayatan akidah kepada tiga konstruk utama iaitu *kefahaman, perasaan dan amalan* (Jahja, HZ, 2009). Mengambil pandangan dan pemikiran al-Ghazali menyentuh konteks *konsep keimanan dan penghayatan akidah* sebagai model utama penerapan elemen Islamik ke dalam proses mendidik. Kaedah pedagogikalnya yang menyeluruh dan signifikan dapat membantu menambahbaik (*tahseen*) dan meningkatkan kualiti dalam proses P&P (Jahja, HZ, 2009).

Pendekatan Pentaksiran Psikomotor Islamik

Rasulullah SAW amat menekankan aspek akidah yang terdiri dari keimanan, kerohanian, keilmuan, penghayatan dan amalan. Salleh, NM *et al.* (2013) menyatakan bahawa aspek ini menyumbang kepada keseimbangan akal, tingkah laku dan nilai-nilai murni pelajar dalam P&P. Catatan Muda, AL & Ali, R (2007) dalam buku mereka menyebut juga bahawa akidah adalah amalan-amalan hati yang berbentuk *yakin*. Jahja, HZ (2009) juga sama pendapatnya dengan menyatakan bahawa akidah itu menjurus kepada amalan *teori* yang menjadi pegangan jiwa, manakala syariat merangkumi *amalan* muamalat dan ibadah.

Pengamalan kemahiran gerak 'motor' dalam domain pembelajaran

Tinjauan mengenal pasti jelmaan istilah baru yang secara teoritikalnya menyemai sifat-sifat '*amalan*' dalam setiap perkara perbuatan dan gerak kerja. Kajian menamakan dengan istilah *Amalan Kemahiran Kognitif, Amalan Kemahiran Afektif dan Amalan Kemahiran Psikomotor*, atau disebut juga dengan nama Psikomotor-Kognitif, Psikomotor-Afektif dan Psikomotor-Psikomotor.

i. Amalan Kemahiran Kognitif (Psikomotor-Kognitif)

Dalam *Ihya Ulum al-Din*, al-Ghazali menyatakan akal dianugerahkan Allah SWT membezakan manusia dengan haiwan. Akal merupakan amanah kepada manusia, dengan akal juga manusia adalah makhluk paling mulia di dunia.

Psikomotor-Kognitif, perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengan tindakan pelajar menggunakan akal fikiran waras (ilmu) untuk membentuk *kefahaman* di dalam gerak kerja kemahiran.

Hadith Rasulullah yang bermaksud;

'Seseorang itu tidak menjadi 'alim (berilmu) sehingga ia mengamalkan ilmunya'

[Riwayat ibn-Hibban]

Firman Allah SWT bermaksud;

'Allah memberikan kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang yang menggunakan akal fikirannya'

[al-Baqarah, Ayat 269]

Menurut pendapat ulama Ahli al-Sunnah, akal itu adalah alat atau wasilah untuk *memahami* akidah yang ditetapkan *syara'*. Akal adalah penyokong untuk mencari bukti atau dalil serta menolak keraguan (Muda, AL & Ali, R, 2007). Justeru, kemahiran menggunakan akal bagi menentukan dalil-dalil *aqli* diaplikasikan oleh pelajar-pelajar. Aras *kefahaman* dalam model pentaksiran ini menentukan pelajar yang berakal, berilmu dan berkemahiran mengamalkan ilmu dan perbuatannya.

ii. Amalan Kemahiran Afektif (Psikomotor-Afektif)

Al-Ghazali (1993a) dan Athaillah, SAI (1999) mencatat, pemilihan baik-buruk sesuatu tindakan dan amalan adalah datang dari hati (*qalbu*), tindakan seseorang manusia terletak kepada pandangan *kepercayaan* hati masing-masing.

Psikomotor-Afektif, pengamalan kemahiran kerja dengan nilai-nilai murni, adab dan akhlak yang tinggi. Membentuk jiwa pelajar dengan roh, emosi dan sikap yang baik dalam setiap tindakan menurut arahan hati (*qalbu*), yang mempunyai keikhlasan, adab dan akhlak yang murni. Hatilah menentukan perlakuan dan akhlak serta adab yang terpuji atau sebaliknya (Al-Ghazali, 1993a; Athaillah, SAI, 1999). *Ihya Ulum al-Din* menyentuh, '*tashdiq*' adalah meletakkan *keyakinan* hati kepada ilmu (pengetahuan) dipelajari untuk mendorong 'akal melakukan tindakan (kerja atau amalan) (Al-Ghazali, 1993b).

Al-Ghazali mencatat ;

'Tanda-tanda orang berilmu ialah di mana kata-kata dan tindakan lahiriahnya sama. Ilmu yang ada dalam diri mereka mencerminkan akhlaq dan adab yang dijelmakan secara zahir dalam amalannya'

Sifat Afektif & Ruh Amalan yang Ikhlas

Amalan yang bermanfaat adalah tindakan yang mempunyai rohnya. Roh amalan yang ikhlas adalah apabila datangnya di dalam hati manusia sifat-sifat ketuhanan dan rahsia kerohanian. Roh amalan keikhlasan yang hadir dalam setiap amalan perbuatan menyebabkan manusia itu memperolehi manfaatnya. Setiap amalan yang tidak disertai dengan keikhlasan tidak memberi manfaat sama sekali kepada dirinya dan manusia lain (Athaillah, SAI, 1999).

Menurut Al-Ghazali (1993b);

"Apabila marah dan nafsu syahwat boleh ditunduk dan dikawal oleh akal dan agama, marah akan bertukar menjadi keberanian dan nafsu syahwat pula bertukar menjadi penjagaan diri. Diri akan terdidik dengan akal dan agama mencerminkan akhlak yang baik" (Ghani, ZA & Mansor, NSA, 2006).

Rasulullah bersabda bermaksud;

'Sesungguhnya Allah Taala tidak akan melihat bentuk badan dan rupa kamu, akan tetapi Dia hanya melihat kepada hati kamu (keikhlasan hati kamu)'

[Riwayat Muslim]

Al-Ghazali (1993a) mencatat kejiwaan manusia itu berkait dengan unsur-unsur seperti *nafsu, ruh, qalbu dan akal*. Unsur-unsur tersebut, mempunyai dua makna berbeza iaitu lahiriah (*fizikal*) dan batin (*rohaniah*). Unsur kerohanian merupakan hakikat diri manusia yang dapat mengerti perintah-perintah *syara'*. Unsur inilah membentuk faktor-faktor lahiriah yang mempengaruhi anggota badan, deria dan faktor *spiritual* pelajar.

Al-Ghazali menyatakan, bahawa roh itu juga bermaksud hati rohani (*qalbu*), ia merupakan urusan ketuhanan yang melangkaui batasan akal dan kefahaman manusia. Justeru itu, keteguhan jiwa menghasilkan pelajar yang beradab mulia dan berakhlak tinggi dalam gerak kerja harian. Mengawal perasaan dan emosi membentuk sifat-sifat lahiriah yang dipandu oleh hati dengan tindakan ilmu (akal) dipelajari.

Aras '*keyakinan*' dalam model pentaksiran membentuk kekuatan ilmu yang dipelajari. Manakala aras '*kepercayaan*' menentukan pelajar menerima ilmu pengetahuan sehingga ke dalam hati, menzahirkan dengan *adab dan akhlak* yang baik seorang pelajar. Seterusnya pelajar diserapi dengan *roh iman, perasaan dan nilai-nilai murni* dalam amalan hariannya.

iii. Amalan Kemahiran Psikomotor (Psikomotor-Psikomotor)

Segala gerak kerja dan amalan manusia dikawal oleh hati yang mengarah akal untuk anggota lahiriah (fizikal) melaksanakan amal. Pengetahuan, kemahiran dan nilai murni dijemakan sebagai tindakan yang dizahirkan, seterusnya menjadi perangai (*habit*) (Al-Ghazali, 1993b; ibn-Khaldun, 2001).

Firman Allah SWT bermaksud;

'Barang siapa yang mengerjakan amal-amal saleh, baik laki-laki maupun perempuan sedang ia orang beriman, maka mereka itu akan masuk syurga dan mereka tidak dianiaya sama sekali'

[Surah an-Nisa', Ayat 124]

Psikomotor-Psikomotor, melaksanakan tindakan itu menurut sifat-sifat hati (*qalbu*), ilmu dizahirkan oleh akal yang waras. Hubungan kedua-dua *Psikomotor-Afektif* dan *Psikomotor-Kognitif* menyumbang kepada pelaksanaan gerak kerja dan **pelaksanaan (tindakan)** sebagai alat penjelasan kepada ilmu (iman) dan *syariat* (akidah). Dan **peneguhan (praktis)** agar pengamalan secara berterusan (*istiqamah*) melahirkan pelajar yang berkepakaran bidang (*trade expert*) tersebut (ibn-Khaldun, 2001).

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

'Perbuatan yang paling utama (secara mutlak) adalah beriman kepada Allah dan RasulNya'


[Riwayat al-Bukhori]

Pembuktian amalan atau psikomotornya yang jelas adalah seperti yang dicatat oleh Muda, AL & Ali, R (2007), segala ilmu dipelajari bukan sekadar *iqrar* dan *ucapan* sahaja, namun hendaklah *dibuktikan* dengan perbuatan. Ilmu (iman) adalah asasnya, manakala amalan merupakan penjelasan kepada ilmunya. Aras *amalan (pelaksanaan & peneguhan)* dan **'pembuktian'** dalam model pentaksiran menentukan segala ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai murni dizahirkan.

Muda, AL & Ali, R (2007) turut mencatat *'amalan zahir atau sudut penggunaan anggota sebagai petunjuk keimanan yang tersemat di hati dan amalan boleh dikira sebahagian daripada iman'*. Penyataan ini menguatkan hujah bahawa proses pentaksiran *psikomotor* amat berkesan untuk mengukur lahiriah dan rohaniah kemajuan pelajar.

Pembangunan Model Pentaksiran Psikomotor Islamik

Model konstruk yang dipadankan dengan konsep *iman* dan *penghayatan akidah* ini mampu menyumbang kepada pembinaan struktur kurikulum dan item-item soalan yang berasaskan kerja kemahiran fizikal dan seterusnya mentaksir kemajuan prestasi *psikomotor* secara holistik (*kaffah*) yang berpandukan pengukuran keupayaan pelajar secara fizikal dan *spiritual*. Rajah 1 menunjukkan struktur kerangka penyelidikan bagi pembangunan model tersebut.




Rajah 1: Kerangka Konsep (*Conceptual Framework*) penyelidikan bagi menghasilkan *'Model Pentaksiran Psikomotor Pendekatan Islamik'*.

Justeru, penyelidikan mendapati bahawa pembangunan objektif pembelajaran yang bersifat perbuatan, kemahiran, *'amal* atau *psikomotor* perlu diberikan keutamaan di dalam P&P. Prestasi *psikomotor* ini mampu menjelaskan kebolehan kerja membuat (*doing*), seterusnya membantu pentaksiran dilaksanakan dalam P&P (Oermann, MH, 1990; Salim, KR *et al.*, 2012). Di dalam catatan Ahmad, K (2012), penerapan nilai-nilai agama (*Konsep Islamik*) yang mengandungi sifat-sifat fizikal dan *spiritual* di dalam proses P&P dapat merealisasikan semangat yang holistik.

Rajah 2 menunjukkan struktur pembangunan pentaksiran psikomotor yang holistik dengan aspek amalan atau psikomotor diutamakan. Integrasi prinsip Islamik dalam penyelidikan mendapati beberapa *Elemen Psikomotor* yang menjadi teras kepada domain *Kognitif*, *Afektif* dan *Psikomotor*.

Akhirnya, penyelidikan mengenal pasti model pentaksiran *psikomotor* Islamik tersebut dengan membahagikannya kepada tujuh aras utama iaitu kefahaman, kepercayaan, keyakinan, perasaan (adab, akhlak & nilai murni), pelaksanaan (tindakan), peneguhan (praktis) dan pembuktian.



Rajah 2 : Model Pentaksiran *Psikomotor* Pendekatan Islamik di dalam P&P.

Kesimpulan

Pentaksiran adalah proses mengumpul maklumat untuk menganalisa pencapaian pelajar yang signifikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P). Pentaksiran juga bertindak di dalam proses meningkatkan kualiti pencapaian pelajar, menjamin kualiti penyampaian pensyarah dan menambahbaik kurikulum serta program P&P.

Jaminan kualiti melaksanakan kerja kemahiran bagi pelajar-pelajar di peringkat sekolah dan *tertiari* ditingkatkan untuk memenuhi kebolehan membuat kerja. Pentaksiran *psikomotor* berkonsepkan Islamik merupakan kaedah yang mendasari prinsip *amalan* yang menjadi keutamaan di dalam ibadah. Model pentaksiran *psikomotor* ini menyediakan pendekatan yang holistik, dengan integrasi dan kesepaduan elemen-elemen *fizikal* dan *spiritual*, tanpa mengasingkan nilai murni seperti akhlak, adab, ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam proses P&P. Pentaksiran dilaksanakan menurut *fitrah* manusia atau pelajar kerana berkonsepkan agama iaitu iman dan akidah. Sehingga ianya menepati dan merentasi definisi kontemporari pentaksiran (*assessment*) itu sendiri.

Sifat-sifat *afektif*, *kognitif* dan *psikomotor* dalam P&P disepadukan dan diamalkan secara menyeluruh untuk mendapatkan hasil yang mampu melahirkan pelajar-pelajar yang berketerampilan ilmu, kemahiran dan akhlak.

Rujukan

- Ahmad, Khodori. (2012). *Kepeimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif & Inovatif*. Paper presented at the Kolokium Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Tahun 2012, Institut Aminuddin Baki (IAB).
- Al-'Utsaimin, Syaikh Muhammad Shalih. (1995). *Aqidah Ahlussunnah Wal Jama'ah* (Muhammad Yusuf Harun, Trans.). Jakarta: Yayasan al-Sofwa.
- Al-'Utsaimin, Syaikh Muhammad Shalih. (2012). *Syarah Hadits Arba'in Imam An-Nawawi: Penjelasan 40 Hadits Inti Ajaran Islam* (Mujtahid, U., Trans. Qura, T. E. U. Ed.). Jakarta Timur: Ummul Qura.
- Al-Ghazali. (1990). *Bimbingan Mu'minin* (Semait, S. A., Trans. Al-Qasimi, S. M. J. Ed. PN 1978 ed.). Singapore: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Al-Ghazali. (1993a). *Ihya Ulum Al-Din (The Book of Destructive Evils)* (Ul-Karim, F., Trans. 1st. ed. Vol. 3rd.). Karachi: Darul Ishaat.
- Al-Ghazali. (1993b). *Ihya Ulum al-Din (The Book of Worship Contents)* (Fazl-ul-Karim, Trans. 1st. ed. Vol. 1st.). Karachi, Pakistan: Darul Ishaat.
- Athaillah, Syekh Ahmad Ibn. (1999). *Hiasan Rohani Insan Mukmin Mutiara Hikmah al-Hikam*. Kuala Lumpur, Malaysia: al-Hidayah Publishers.
- Dewan, Kamus. (Ed.) (2010) (Edisi Ketiga ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ghani, Zulkiple Abd., & Mansor, Nor Salimah Abu. (2006). Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis terhadap beberapa Pandangan al-Imam al-Ghazali.
- ibn-Khaldun. (2001). *Mukaddimah* (Masturi Irham, L., Malik Supar, L. & Zuhri, A., Trans. Ridwan, M. N. Ed.). Jakarta Timur, Indonesia: Pustaka Al-Kautsar.
- Ishak, Mohd Said. (2002). Konsep Iman & Kufur: Perbandingan Perspektif Antara Aliran Teologi. *Jurnal Teknologi, UTM, 36(E)*, pp. 61-74.
- Jahja, HM Zurkani. (2009). *Teologi al-Ghazali - Pendekatan Metodologi* (Wajidi, F. Ed.). Yogyakarta, Indonesia: Pustaka Pelajar.
- Jelovsek, J. Eric, Kow, Nathan, & Diwadkar, Gouri B. (2013). Tools for the direct observation and assessment of psychomotor skills in medical trainees: a systematic review. *John Wiley & Sons Ltd. Medical Education, 47(7)*, 650-673. doi: 10.1111/medu.12220
- Kasim, Ahmad Yunus, & Tamuri, Ab. Halim. (2010). Pegetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic & Arabic Education, Vol. 2(No. 2)*, pp. 13 - 30.
- Khandalawi, Syaikh Muhammad Yusuf. (2012). *Muntakhab Ahadis (Hadis-hadis Pilihan)* (Chin, U. A. H. B. & Wahab, U. M. R. B. A., Trans. Ed. 1 ed.). Kuala Lumpur: Maktabah Ilmiah Sdn. Bhd.
- Krathwohl, David R. (2002). A Revision of Bloom's Taxonomy: An Overview. *Theory into Practice, The Ohio State University, Vol. 41(No. 4)*, pp. 212-218.
- Langgulung, Hasan. (2001). Islamisasi Pendidikan dari Perspektif Metodologi. *Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 9, Bil. 3*(Jun 2001).
- Muda, Abdul Latif, & Ali, Rosmawati. (2007). *Perbahasan Akidah Islam (Rujukan Pengajian Usuluddin)*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Nawawi, Imam. *Riyadhus Shalihin (Taman Orang-orang Salih) Jilid 1*.
- Oermann, Marilyn H. (1990). Psychomotor Skill Development. *ProQuest Education Journals: The Journal of Continuing Education in Nursing, Vol. 21(No. 5)*, p. 202.

- Rockman, Ilene F. (2002). The Importance of Assessment. *Emerald - Reference Service Review*, Vol. 30(No. 3), pp. 181-182. doi: 10.1108/00907320210435455
- Salim, Kamilah Radin, Puteh, Marlia, & Daud, Salwani Mohd. (2012). Assessing Students' Practical Skills in Basic Electronic Laboratory based on Psychomotor Domain Model. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 56, 546-555. doi: 10.1016/j.sbspro.2012.09.687
- Salleh, Norsaleha Mohd, Tamuri, Ab Halim, & Amat, Salleh. (2013). Kesahan & Kebolehpercayaan Instrumen Penghayatan Akidah. *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 3.